

## Meja bulat jadi platform anak muda lontar idea

**SIJANGKANG** - Pemuda Pas Kuala Langat yakin sesi meja bulat diadakan Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus bersama persatuan dan kelab sukan belia daerah Kuala Langat membantu meningkatkan kefahaman terhadap keinginan anak muda.

Ketua Pemuda Pas Kuala Langat, Mohd Hanif Jamaludin berkata, kebanyakannya isu yang dibentangkan berkait rapat mengenai prasaranan sukan yang diperlukan golongan itu.

"Idea-idea segar dari wakil persatuan dilihat amat memberangsangkan termasuk idea supaya setiap kelab sukan didaftarkan secara

sah yang membolehkan dana dari kerajaan negeri dapat disalurkan kepada kelab.

"Ekoran itu, Pemuda Pas sendiri menawarkan khidmat kepada wakil kelab untuk bantu memudahkan urusan pendaftaran kelab," katanya di sini, semalam.

Mohd Hanif berkata, itu mengoptimumkan fasiliti yang disediakan di sekitar Kuala Langat turut dibangkitkan dalam sesi tersebut sekali gus mendedahkan wakil persatuan dengan prosedur dan individu yang perlu dihubunggi untuk menggunakan fasiliti tersebut.

"Wakil persatuan juga turut mencadangkan supaya kompleks sukan di kawasan Kuala Langat seperti di

daerah lain seperti Shah Alam diwujudkan bagi menjadikannya sebagai pusat tumpuan riadah.

"Dengan kewujudan kompleks sukan, aktiviti sukan akan dapat diagi dan lebih meriah selain menjadi hotspot belia di kawasan itu," katanya.

Sementara itu, Ahmad Yunus berkata, inisiatif pengajuran perbincangan meja bulat itu perlu dipuji berikutan ia menjadi platform mendengar dan membincangkan idea dikeluarkan belia setempat.

"Usaha itu perlu bagi melihat sendiri permintaan dan harapan belia-belia di kawasan Kuala Langat terutama dalam aspek



Sebahagian wakil persatuan termasuk ragbi, sepak takraw, Hot Wheel, ping pong dan bola tampar badminton pada Sesi Meja Bulat anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Sijangkang, semalam.

riahad.

"Idea-idea yang diberikan sekali gus memberi harapan belia terus aktif dalam pelbagai persatuan belia yang telah berbincang dan melontarkan idea mengenai harapan dan idea bagi

di Pusat Khidmat Masyarakat

Dun Sijangkang itu dihadiri seramai 40 orang wakil dari pelbagai persatuan belia yang telah berbincang dan melontarkan idea mengenai harapan dan idea bagi

setiap persatuan sukan masing-masing.

Dalam pada itu, difahamkan program yang sama akan dianjurkan pada perjumpaan seterusnya, 23 September ini.

## Bumbung sekolah dipanah petir

Seorang guru, pengawal keselamatan cuba padamkan kebakaran

**SIJANGKANG** - Tindakan pantas seorang guru dan pengawal keselamatan yang cuba memadamkan api di bahagian bumbung berjaya menyelamatkan keseluruhan Sekolah Kebangsaan (SK) Sijangkang Jaya, di sini daripada hangus terbakar.

Kebakaran bumbung di pusat sumber sekolah yang dipercayai berlaku akibat dipanah petir itu cuba dipadamkan menggunakan alat pemadam api dalam kejadian jam 3.25 petang kelmarin.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Hashim Sahed berkata, kejadian pada bangunan empat tingkat itu diketahui ketika berada di rumah sejauh dimaklumkan cucunya.

"Ketika kejadian, cucu sedang bermain di padang bersebelahan sekolah dan dia beritahu saya pasal kebakaran ini.

"Jentera bomba kemudian tiba memadamkan api sebelum merebak dengan cepat," katanya ketika ditemui di sekolah berkenaan di sini, semalam.

Hashim berkata, wakil Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat turut hadir bagi meneliti kerosakan termasuk sebahagian di dalam kawasan bilik pusat sumber yang turut memuaskan rak buku.

"Saya difahamkan, permohonan



Sulaiman, Hashim dan Guru Besar SK Sijangkang Jaya, Md Nadzri Jamilus meninjau kawasan yang terbakar dipanah petir kelmarin.

baik pulihkan dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan dan buat masa ini, sebarang aktiviti bersama pelajar dilarang dijalankan di tingkat empat yang turut menempatkan bilik tayang sehingga ia siap diperbaiki.

"Saya bersyukur, kejadian tidak melibatkan nyawa, cuma bimbang beberapa kakitangan pejabat masih bertugas. Alhamdulillah tak ada apa-apa berlaku," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau berharap Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Telok Panglima Garang dapat beroperasi sepenuhnya segera berikutnya keperluan perkhidmatan bomba di kawasan berkenaan sangat mendesak.

## Pelbagai agensi siap sedia hadapi fenomena air pasang besar

**KELANG** - Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat mengenal pasti kawasan pantai yang berisiko di daerah Kuala Langat ketika fenomena air pasang besar termasuk Pantai Kelang dan Persisiran Tanjung Sepat.

Pegawaiannya, Rosli Othman berkata, beberapa agensi keselamatan turut diarahkan untuk melakukan rondaan di sekitar pantai bagi memantau kawasan berisiko berkenaan dari semasa ke semasa.

"Semua agensi berkaitan terutama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga telah diarahkan bersama-sama membantu memantau keadaan dan operasi memindah dan menyelamat jika diperlukan

"Rondaan dan pemantauan kawasan tersebut akan dilaksanakan mulai esok (hari ini)," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, sebanyak 16 anggota Skuad Pantas MDKL ditugaskan untuk bersiap-sedia menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

"Kami bersedia menunggu arahan untuk membantu dari segi logistik seperti lorci untuk pemindahan dan mendirikan khemah di pusat-pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* ke Pantai Kelang petang semalam mendapati keadaan air laut berombak tinggi namun masih dalam keadaan terkawal.



Peniaga di salah satu premis di Pantai Kelang Rahmat Mohd Atan, menunjukkan keadaan air laut yang mulai pasang semalam.